

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

TARIKH : 16 JULAI 2019

HARI : SELASA

SENTIMEN : NEUTRAL

Bayaran balik PTPTN RM6.23 bilion

Kuala Lumpur: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merekodkan kutipan bayaran balik pinjaman berjumlah RM6.23 bilion, bagi tempoh 2013 hingga Mei lalu.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata kutipan bayaran balik tabung pendidikan itu membabitkan 1.13 juta peminjam yang merangkumi pecahan umur tertentu.

"Bagi peminjam berusia 20 hingga 29 tahun, seramai 642,410 orang membuat bayaran balik membabitkan nilai RM3,300,319,281.96.

"Peminjam dengan julat umur 30 hingga 39 tahun pula menyaksikan 449,403 orang menjelaskan bayaran balik sebanyak

**sebanyak
RM2,652,965,343.18**

**Maszlee Malik,
Menteri Pendidikan**

orang membuat bayaran balik sebanyak RM367,234.42," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Mohd Sharhar Abdullah (BN-Paya Besar) mengenai perincian pembayaran semula pinjaman PTPTN mengikut pecahan umur dari 2013 hingga Jun 2019.

Peminjam dengan julat umur 30 hingga 39 tahun pula menyaksikan 449,403 orang menjelaskan bayaran balik sebanyak RM2,652,965,343.18

"Bagi julat usia 40 hingga 49 tahun, seramai 33,047 peminjam membuat bayaran balik sebanyak RM228,441,538.21, manakala peminjam berusia 50 hingga 59 tahun seramai 2,531 peminjam membayar RM16,148,892.77.

"Peminjam berusia 60 tahun dan ke atas pula, seramai 80



Sebanyak RM6.23 bilion bayaran balik berjaya dikutip PTPTN bagi tempoh 2013 hingga Mei lalu.
(Foto hiasan)